

MINIT MESYUARAT KE 4
JAWATANKUASA PROTEM PEMBINAAN MASJID
MASJID BAITTURRAHMAN ALAM SARI

Hari: Ahad
Tarikh: 16 Februari 2020
Masa: 8.30 Pagi
Tempat: Exhibition Hall Germany Malaysia Institute (GMI)
Kehadiran: Lampiran 1

Minit 1.01 **KATA ALU-ALUAN**

Tn. Setiausaha En. Hafidz telah mempengerusikan mesyuarat ini dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah. Seterusnya, beliau mengalu-alukan kehadiran semua hadirin ke Mesyuarat Protem Pembinaan Masjid Baiturrahman.

Dalam ucapan alu-aluannya, beliau telah mengingatkan semua hadirin tentang niat dan gerak kerja semua ahli supaya senantiasa berada di atas landasan dan fokus kepada pembinaan Masjid Baiturrahman Alam Sari ini.

Asas pembinaan masjid adalah taqwa. Sepertimana yang disebut dalam Surah Al-Taubah ayat 107-110. Secara umumnya, ayat ini menerangkan pentingnya niat dan taqwa dalam pembinaan masjid.

Seterusnya, Datuk Sayed Jaafar selaku Pengerusi Jawatankuasa Protem Masjid Baiturrahman Alam Sari dalam ucapan alu-aluannya juga mengingatkan kepada semua ahli tentang fokus dan keikhlasan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan perlu lebih meneliti perkara-perkara yang penting terutama yang melibatkan dana pra-pembangunan tabung waqaf, pembelian, dan pemilihan kontraktor dan konsultan supaya ianya berjalan dengan lancar.

Datuk Pengerusi juga mengingatkan kepada semua bahawa mesyuarat pada hari ini adalah untuk ahli memilih arkitek yang telah disenarai pendek oleh Jawatankuasa Teknikal dalam pembinaan Masjid Baiturrahman Alam Sari.

Tindakan: Makluman

Minit 2.01 **KRONOLOGI PEMILIHAN ARKITEK MASJID**

Mesyuarat dimaklumkan:

1. mengenai kronologi proses pemilihan arkitek oleh Saudara Hamidol selaku Setiausaha Jawatankuasa Teknikal. Sila lihat **lampiran 2** berkaitan kronologi tersebut.
2. keluasan tapak masjid yang telah disediakan oleh pemaju ialah 3.5 ekar. Dengan mengambil kira proses dan masa yang panjang dalam pembinaan masjid, maka

pihak Jawatankuasa Teknikal akan menambah ahli bagi melancarkan lagi gerak kerja di bawah jawatankuasa ini dan memohon kerjasama dari semua ahli protem.

Tindakan: Makluman dan JK Teknikal

Minit 3.01 **KONSEP DAN FASILITI MASJID**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

1. Jawatankuasa Teknikal telah memaklumkan kepada semua Arkitek yang terlibat berkaitan konsep yang diinginkan oleh Jawatankuasa Protém Masjid Baiturrahman. Diantara konsep-konsep tersebut ialah:
 - i) Anggaran Kapasiti Jemaah – 1,500 ke 2,000 orang pada satu-satu masa.
 - ii) Kemudahan Tempat Letak Kereta (TLK).
 - iii) Konsep Moden & Terbuka.
 - iv) Konsep Bangunan Hijau (Green Building Element/Concept).
 - v) Konsep Lestari & ‘Water Features’ serta Landscaping/Green Area.
 - vi) Ruang ‘ancillary’ yang luas – Untuk menampung aktiviti dan limpahan jemaah.
 - vii) Penjimatan kos operasi & penyelenggaraan.
 - viii) Pendapatan kepada Tabung Masjid (Self-Generated Fund) – Jika terdapat ruang/fasiliti yang boleh disewakan kepada pihak luar.
2. fasiliti yang telah disenaraikan dibawah adalah keperluan daripada pihak JAIS dan keperluan tambahan daripada pihak Jawatankuasa Protém. Diantara fasiliti tersebut ialah:
 - i) Kuarters Imam dan Bilal.
 - ii) Pejabat Pengurusan.
 - iii) Bilik Pengurusan Jenazah.
 - iv) Bilik Imam & Bilal.
 - v) Dewan Pelbagai Guna (MPH).
 - vi) Bilik Kuliah/Ruang Kelas.
 - vii) Bilik Tetamu (Guest Room).
 - viii) Ruang Korban.
 - ix) Café & kiosk perniagaan.
 - x) Perpustakaan mini.
 - xi) Dapur & Stor Simpanan.
 - xii) Ruang riadah kanak-kanak.

Tindakan: Makluman dan JK Teknikal

Minit 4.01 **AHLI-AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL**

Mesyuarat dimaklumkan:

1. senarai nama dan kepakaran ahli-ahli yang diberikan amanah dibawah Jawatankuasa Teknikal.

PENASIHAT

1. Yg Bhg Dato' Sayed Jaafar bin Sayed Ibrahim (Pengerusi Protem Masjid Baiturrahman).
2. Yg Bhg Laksamana Muda (B) Dato' Fadzilah bin Mohd Salleh (Timbalan Pengerusi Protem Masjid Baiturrahman).

AHLI TEKNIKAL

1. En Mohd Nazri bin Mohd Nasir (Civil & Structure) - Ketua, Teknikal.
2. En Sr Hamidul Ghazali Mohamed (Real Estate) - Timb. Setiausaha (Teknikal).
3. En Ir Shahrman bin Mohamad Yunus (Civil & Structure).
4. En Jais bin Basiran (Civil & Structure).
5. En Mohd Zawawi bin Awang (Mechanical & Electrical).
6. En Mohd Shukri bin Ahmad (Mechanical & Electrical ELV).

PEMERHATI/PENYELARAS

1. En Abdul Hafidz bin Kudus - Setiausaha, Masjid Baiturrahman.
2. Dr. Mohd Shafie bin Mustafa - Timb. Setiausaha (Pengurusan), Masjid Baiturrahman.

Tindakan: Makluman

Minit 5.01 **BORANG PENILAIAN ARKITEK**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

1. Jawatankuasa Teknikal telah membuat borang penilaian teknikal perantikan arkitek bagi menilai semua proposal yang telah di hantar oleh arkitek. Borang ini di bahagi kepada dua bahagian penilaian iaitu penilaian teknikal dan penilaian bukan teknikal.
2. penilaian bukan teknikal dilihat dari segi keupayaan firma arkitek, pengalaman merekabentuk masjid, tenaga manusia (staf), pemilikan dan equity syarikat. Markah yang diberikan untuk penilaian ini ialah 30%.
3. penilaian teknikal adalah 70% daripada markah keseluruhan yang meliputi kreativiti rekabentuk, konsep masjid, dan keperluan fasiliti masjid. Sila lihat **Lampiran 3** berkaitan item di dalam borang penilaian arkitek.

Tindakan: Makluman dan JK Teknikal

Minit 6.01 **PENILAIAN TEKNIKAL**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

1. fokus pada penilaian ini ialah kreativiti rekabentuk yang meliputi keseluruhan kawasan masjid (3.5 ekar), ketinggian bangunan masjid dan bangunan disekitarnya, kos projek, luas lantai kasar, dan kos operasi selepas bangunan siap dibina.
2. jangkaan projek ini adalah bergantung kepada keupayaan kontraktor yang dipilih dan kewangan yang ada. Secara umumnya, jangkaan projek mengambil masa selama 2 tahun.
3. analisis penilaian teknikal bagi setiap arkitek dilampirkan di **Lampiran 4**.

Tindakan: Makluman dan JK Teknikal

Minit 7.01

PERMAKAHAN KESELURUHAN ARKITEK

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

1. Jawatankuasa Teknikal telah memberikan markah untuk cadangan rekabentuk bagi setiap arkitek yang terlibat. Markah yang diberikan adalah berdasarkan kepada borang penilaian yang telah disediakan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal.
2. markah bagi setiap arkitek tersebut adalah seperti dibawah:

			ZULHILMY MOHD SALLEH ARCHIECT	NEA ARCHITECTS PARTNERSHIP	SHAFIK ZAMAN ARCHITECT	JAMAL SHUIB ARCHITECT
FINAL SCORING	WEIGHTAGE					
JUMLAH KESELURUHAN	100%		81%	70%	89%	89%

3. hasil analisis dan permakahan yang dijalankan menunjukkan bahawa dua arkitek mendapat markah yang sama iaitu Shafikzaman Arkitek (89%) dan Jamal Shuib Arkitek (89%).
4. pihak Jawatankuasa Teknikal telah mensyorkan Shafikzaman Arkitek dipilih sebagai arkitek utama pembinaan Masjid Baiturrahman Alam Sari. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Teknikal telah membuka kepada semua ahli Jawantakuasa Protem Pembinaan Masjid untuk memilih satu daripada dua arkitek yang mendapat markah tertinggi sebagai arkitek utama pembinaan Masjid Baiturrahman Alam Sari.

Tindakan: Makluman dan JK Teknikal

Minit 8.01

PEMILIHAN ARKITEK

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

1. pemilihan model masjid oleh dua arkitek yang mendapat markah tertinggi akan diadakan pada mesyuarat ini.
2. pemilihan ini hanya berdasarkan kepada rekabentuk masjid sahaja. Segala perincian yang lain akan dilihat semula oleh Jawatankuasa Teknikal selepas pemilihan arkitek.
3. keputusan pemilihan arkitek rekabentuk Masjid Baiturrahman Alam Sari ialah Shafikzaman Arkitek.

Tindakan: Makluman dan JK Teknikal

Minit 9.01 **PENUBUHAN TABUNG WAQAF**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

1. Perbadanan Tabung Waqaf Selangor telah memberikan kelulusan kepada Jawatankuasa Protém Masjid untuk membuka akaun di bank bagi kutipan tabung waqaf Masjid Baiturrahman Alam Sari.
2. Strategi tabung waqaf Masjid Baiturrahman Alam Sari akan dijalankan dalam usaha untuk mendapatkan kutipan yang mencukupi bagi pembinaan masjid. Diantara cadangannya ialah:
 - i) Brochure
 - ii) Online Promosi
 - iii) Video Promosi
 - iv) Fund Run
 - v) Golf Tournament
 - vi) Crowd Funding
 - vii) Penceramah Tersohor/ Penceramah Selebriti
3. Ketua Unit Tabung Waqaf ialah Hj Mohd Azren Abdul Aziz.
4. Jangkaan kutipan waqaf dan sumbangan pembinaan masjid ialah 50% dalam tempoh setahun.

Tindakan: Makluman dan JK Waqaf

Minit 7.01 **HAL-HAL LAIN**

1. Ir Dr. Fuad membangkitkan mengenai markah penilaian arkitek perlu juga memasukkan elemen kemudahan atau fasiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) di masjid.
 - Kedua-dua arkitek (Shafikzaman Arkitek dan Jamal Shuib Arkitek) ada menyediakan lif dan ram (laluan untuk kerusi roda) kepada golongan OKU.
 - Walaubagaimanapun, perincian tersebut akan dimaklumkan kepada pihak arkitek yang berjaya.

Tindakan: JK Teknikal

2. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jawatankuasa Teknikal hanya mengeluarkan surat jemputan kepada arkitek-arkitek yang terlibat dan hanya menyenaraikan beberapa keperluan penting yang diperlukan di dalam surat tersebut. Oleh itu, perincian keperluan yang lain hanya akan dibincangkan selepas pemilihan arkitek oleh Jawatankuasa Protém.

Tindakan: Makluman

3. Mesyuarat dimaklumkan bahawa untuk menghantar plan pembangunan ke JAIS, kos yang diperlukan adalah separuh daripada kos keseluruhan pembinaan. Oleh itu, pembinaan Masjid Baiturrahman Alam Sari memerlukan lebih kurang RM12 juta untuk penyerahan plan pembangunan. Manakala untuk memulakan pembinaan masjid, pihak Jawatankuasa Protém perlu mendapatkan kos keseluruhan lebih kurang sebanyak RM25 juta.

Tindakan: Makluman

4. Mesyuarat dimaklumkan bahawa selepas mesyuarat ini, segala perincian dan komen akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal bersama arkitek yang dipilih. Walaubagaimanapun, pihak Jawatankuasa Teknikal perlu melaporkan perbincangan-perbincangan tersebut kepada ahli Jawatankuasa Protem Masjid semasa mesyuarat Jawatankuasa Protem Masjid berlangsung.

Tindakan: JK Teknikal

5. Sumbangan waqaf untuk individu akan diberikan pengecualian cukai sebanyak 7% dan untuk syarikat sebanyak 10%.

Tindakan: Makluman

Pengerusi Jawatankuasa Protem Masjid Baiturrahman Alam Sari mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli yang hadir pada mesyuarat kali ini. Mesyuarat telah ditangguhkan lebih kurang pada pukul 12.30 tengahari dan diakhiri dengan bacaan doa oleh Ir Dr. Fuad dan bacaan Surah Al-Asr dan Tasbih Kifarah.

LAMPIRAN 2

KRONOLOGI PEMILIHAN ARKITEK MASJID

1. 2 November 2019 - Mesyuarat Protem bersetuju menjemput beberapa Arkitek bagi mencadangkan rekabentuk dan konsep masjid seperti yang telah diputuskan.
2. 26 November 2019 - Surat jemputan pelawaan merekabentuk masjid telah dikeluarkan oleh Bahagian Teknikal kepada 5 syarikat Arkitek iaitu;
 - I. Zuhilmy Mohd Salleh Architects (ZMSA)
 - II. NEA Architects Partnership (NEA)
 - III. Shafik Zaman Architects (SZA)
 - IV. Jamal Shuib Architects (JSA)
 - V. Zocres Studio Architect Sdn Bhd (ZSA)
3. 23 Disember 2019 - Arkitek yang berminat telah memajukan cadangan rekabentuk masjid kepada Bahagian Teknikal (Zocres Studio Sdn Bhd tidak membuat cadangan).
4. 3 Januari 2020 - Surat kelulusan pembinaan Masjid & pembukaan Tabung Wakaf diterima daripada pihak JAIS.
5. 11 Januari 2020 - Sesi pembentangan Cadangan Rekabentuk oleh Arkitek-Arkitek terlibat di Surau Al-Amin Alam Sari.
6. 13 Januari 2020 - Bahagian Teknikal memulakan mesyuarat pertama & sesi 'brainstorming' membincang dan menilai cadangan rekabentuk Arkitek dan diikuti dengan mesyuarat selanjutnya pada 17 Januari dan 31 Januari.
7. 5 Februari 2020 - Proses penilaian akhir dan pembentangan kepada Datuk Pengerusi & Datuk Timbalan Pengerusi Protem (Penasihat Teknikal) di Bilik Mesyuarat Kolej Burhanuddin Helmi, UKM.
8. 16 Februari 2020 – Sesi pembentangan dan membuat keputusan oleh AJK Protem bagi pemilihan Arkitek yang Berjaya di Exhibition Hall Germany Malaysia Institute (GMI).

LAMPIRAN 3 BORANG PENILAIAN ARKITEK

NAMA PROJEK : CADANGAN KONSEP, REKEBENTUK DAN FASILITI BERKAITAN MASJID BAITURRAHMAN, ALAM SARI									
KRITERIA UTAMA DAN SUBKRITERIA BAGI PENILAIAN TEKNIKAL PERLANTIKAN AKITEK									
NOY. TECHNICAL ELEMENT	KRITERIA UTAMA	SUBKRITERIA	PERMARKAHAN	WAJARAN (%)	ZULHILMY MOHD SALLEH ARCHIECT	NEA ARCHITECTS PARTNERSHIP	SHAFIK ZAMAN ARCHITECT	JAMAL SHUIB ARCHITECT	
A 30%	1 Keupayaan Firma Arkitek	a. Berdaftar dengan MOF & Lembaga Profesional (tempoh pendaftaran masih sah)	Ya	3					
			Tidak	0					
		b. Lokasi ibu pejabat/cawangan firma di negeri projek	Ya	3					
			Tidak	0					
		c. Projek yang seumpama khusus/ umum yang pernah dilaksanakan sama ada projek Kerajaan/ Swasta/ Negara Luar	Bil. projek melebihi 3 (≥3 projek)	2					
	Bil. projek tidak melebihi 3		0						
	Kurang beban (≤3 projek)		2						
			Tinggi beban (>3 projek)	0					
	Wajaran: 10%				10	0 /10	0 /10	0 /10	0 /10
	Jumlah Wajaran Subkriteria				10	0 /10	0 /10	0 /10	0 /10
2	Kakitangan Yang Terlibat	1. Pengurusan (Pegarah/Prinsipal)	Pengalaman Berkeleyakan Professional	2					
			Tidak berkeleyakan Professional	0					
		2. Kakitangan ikhtisas	Melebihi 3 orang	2					
			Kurang 3 orang	0					
		b. Bilangan kakitangan separa ikhtisas/ sementara	Melebihi 3 orang	1					
			Kurang 3 orang	0					
Wajaran: 5%				5	0 /5	0 /5	0 /5	0 /5	
Jumlah Wajaran Subkriteria				5	0 /5	0 /5	0 /5	0 /5	
3	Pengalaman Merekabentuk Masjid	a. Merekabentuk Masjid	Pemah merekabentuk/dilantik/S.O ≥ 1projek	5					
			Pemah dilantik tetapi projek KIV	3					
			Pemah merekabentuk sahaja/proposal	2					
			Tiada	0					
4	Pemilikan dan Equiti	b. Ekuiti Bumiputera	100% Bumiputera	3					
			Melebihi 50% Bumiputera	2					
			Kurang 50% Bumiputera	0					
Wajaran: 15%				15	0 /15	0 /15	0 /15	0 /15	
Jumlah Wajaran Subkriteria				15	0 /15	0 /15	0 /15	0 /15	

TECHNICAL ELEMENT	KRITERIA UTAMA	SUBKRITERIA	WAJARAN (%)	ZULHILMY MOHD SALLEH ARCHIECT	NEA ARCHITECTS PARTNERSHIP	SHAFIK ZAMAN ARCHITECT	JAMAL SHUIB ARCHITECT	
B 70%	Kreativiti Rekabentuk	Overall Master Plan	6					
		Rekabentuk	5					
		Ketinggian Bangunan & Jenis Façade	5					
		Anggaran Kos Projek	4					
		Luas Lantai Kasar	4					
		Aliran Trafik (circulation)	3					
		Anggaran Tempoh Pembinaan	2					
		Kos Operasi & Penyelenggaraan	1					
		Wajaran: 30%	Jumlah Wajaran Subkriteria	30	0 /30	0 /30	0 /30	0 /30
		6	Konsep	Anggaran Kapasiti Jemaah	6			
Konsep Maden & Terbuka	5							
Konsep Lestari/Water	5							
Features/Landskap/Kawasan Hijau	5							
Ruang Ancillary (Limpahan)	5							
Kemudahan TLK	4							
Wajaran: 25%	Jumlah Wajaran Subkriteria	25	0 /25	0 /25	0 /25	0 /25		
7	Keperluan Fasiliti Masjid	Dewan Pelbagai Guna (MPH)	2					
		Kafe & Kiosk Perniagaan	2					
		Bilik Imam & Bilal	1					
		Pejabat Pengurusan	1					
		Bilik Pengurusan Jenazah	1					
		Kuarters Imam & Bilal	1					
		Bilik Kuliah/Ruang Kelas	1					
		Ruang Korban	1					
		Rumah Tetamu (Guest House)	1					
		Perpustakaan Mini	1					
		Dapur	1					
		Setor	1					
		Ruang Riadah Kanak-Kanak	1					
		Wajaran: 15%	Jumlah Wajaran Subkriteria	15	0 /15	0 /15	0 /15	0 /15
JUMLAH KESELURUHAN ELEMENT A + B (30% + 70%)			100.00%	0 /100	0 /100	0 /100	0 /100	

LAMPIRAN 4

ANALISIS PENILAIAN TEKNIKAL SETIAP ARKITEK

PENILAIAN KONSEP, REKABENTUK, BAHAN DAN ELEMEN PEMBINAAN MASJID BAITURRAHMAN OLEH AKITEK					
No.	Perkara	Zulhilmy Mohd Salleh Architect	NEA Partnership Architect	Shafikzaman Architect	Jamal Shuib Architect
		Pemerhatian / Komen	Pemerhatian / Komen	Pemerhatian / Komen	Pemerhatian / Komen
1	Façade bangunan	Cantik, berani, ikonik	Tipikal- Biasa	Teguh, solid.	Lembut, tipikal.
2	Gambaran rekabentuk luaran "Islamik"	Ayat khufi sekeliling	Arch.	Pada minaret.	Ayat Khufi & minaret
3	Laluan keluar masuk (Access road)	1 sahaja perlu tambah	Terhad dan tak seuai.	Selesa.	Bagus, selesa.
4	Air circulation internal and external	Bukaan pada bumbung untuk ventilas	Terbuka.	Terbuka.	Terbuka.
5	Pembesaran masa akan datang	Sukar & terhad	Agak terhad.	Boleh dan banyak ruang.	Boleh, ada ruang.
6	Jangkaan Tempoh Pembinaan	24 bulan	20 Bulan.	18 bulan.	24 bulan.
7	Aspek Pembinaan	Sangat susah & mencabar	Senang.	Senang	Susah, pengawasan lebih.
8	Penyelenggaraan rutin:				
	a) Luaran	Mudah	Mudah	Sederhana (tingkap)	Sederhana.
	b) Dalaman	Susah.	Susah	Mudah.	Sederhana.
9	Kecacatan akan datang	Tinggi (bumbung).	Kurang.	Minimum	Tinggi (basement)
10	Kemudahan mencukupi	Mencukupi.	Cukup.	Cukup.	Cukup - sudut kanak-kanak.
11	Kos pembinaan	RM21 juta.	RM20 juta.	RM19 juta.	RM23 juta.
12	Lebih kos untuk dalaman dan lanskap	Akan digunakan untuk kemas.	Kemas dalaman.	Guna untuk kemas.	Tiada
13	Kemudahan tempat letak kereta.	90nos, perlu ditambah.	Cukup (148 nos)	Cukup (136nos)	Cukup dan lebih (250 nos)
14	Keluasan lantai kasar (GFA)	Sesuai (5,795.38 sm / 62,381sf)	Cukup (3,904.56 sm / 42,028 sf)	Cukup (5,238 sm / 56,382 sf)	Cukup (8,562 sm/92,161 sf)
15	Susun atur bangunan	Jelas dan ringkas	Sederhana.	Menarik.	Menarik.
16	Susun atur kemudahan dalaman	Mudah bersambung semua arah.	Sederhana.	Menarik.	Menarik.

	Perkara	Zulhilmy Mohd Salleh Architect	NEA Partnership Architect	Shafikzaman Architect	Jamal Shuib Architect
17	Ketinggian bangunan	Tidak menghalang laluan angin.	Agak tinggi.	Tidak terlindung.	Bagus.
18	Lanskap dalaman bangunan	Sangat bagus untuk pengudaraan.	Tiada.	Ada.	Tiada.
19	Lanskap luar bangunan	Sesuai untuk semua jemaah.	Kurang.	Ada.	Menarik.
20	Praktikal - ruang solat awam untuk harian/ Kapasiti Jemaah	Sederhana. Ruang Solat Utama & Limpahan total 1,900 jemaah.	Sesuai. Ruang Solat Utama & Limpahan 1,600 jemaah	Besar. Ruang Solat Utama & Limpahan total 3,000 jemaah	Sederhana besar. Ruang Solat Utama & Limpahan total 2,000 jemaah
21	Fasiliti Berkaitan	Ada	Ada	Ada.	Ada
22	Pemasangan Mekanikal & Elektrikal	Sukar	Senang.	Senang	Sukar (basement)
23	Elemen 'Green Building'	Ada	Ada	Ada.	Ada